



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Pencen (Pindaan) 1986

DR.12/1986

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen 1980.

[

]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pencen (Pindaan) 1986 dan hendaklah, tertakluk kepada seksyen-kecil (2) dan (3), mula berkuatkuasa pada tarikh berikutan tarikh tersiarnya Akta ini dalam *Warta*.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Seksyen 3, 7 dan 12 hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1976.

(3) Seksyen 9 dan 11 hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Julai 1980.

2. Seksyen 4, 6 dan 10 hendaklah terpakai bagi pegawai-pegawai yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam selepas tarikh tersiarnya Akta ini dalam *Warta* dan kepada orang-orang tanggungan pegawai-pegawai tersebut.

Pemakaian seksyen 4, 6 dan 10.

Pindaan
seksyen 1,
Akta 227.

3. Seksyen 1 Akta Pencen 1980, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan seksyen-kecil (2) dengan seksyen-kecil baru (2) yang berikut:

“(2) Akta ini hendaklah dipakai di seluruh Malaysia bagi—

- (a) pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam yang telah memilih atau disifatkan telah memilih mana-mana Skim Baru;
- (b) pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam yang telah atau adalah dilantik di bawah mana-mana Skim Baru;
- (c) pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam yang oleh kerana pilihan mereka adalah terikat dengan mana-mana Skim Baru; atau
- (d) pegawai-pegawai sementara dalam perkhidmatan awam yang dilantik sebelum 1hb Januari 1976 dan yang tidak diberi pilihan untuk memilih Skim Baru yang mula berkuatkuasa daripada tarikh itu.”.

Pindaan
seksyen 2.

4. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “dirinya sendiri” dalam tafsiran “anak” perkataan-perkataan “dengan syarat anak itu adalah cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal sebelum anak itu mencapai umur dua puluh satu tahun”.

Pindaan
seksyen 9.

5. Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Seseorang pegawai berpencen boleh diberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah apabila—” dalam seksyen-kecil (1) dengan perkataan-perkataan “Yang di-Pertuan Agong boleh memberi pencen, ganjaran atau lain-lain raedah kepada seseorang pegawai berpencen apabila—”; dan

- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Seseorang pegawai berpencen boleh diberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah jika persaraan itu adalah di bawah seksyen 12A.” dalam seksyen-kecil (2) dengan perkataan-perkataan “Yang di-Pertuan Agong boleh memberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah kepada seseorang pegawai berpencen jika persaraan itu adalah di bawah seksyen 12A.”.

6. Seksyen-kecil 5 seksyen 10 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 10.

- (a) dengan memotong perkataan “atau” di akhir perenggan (c); dan
 (b) dengan menggantikan perenggan (d) dengan perenggan baru (d) dan (e) yang berikut:

“(d) atas alasan bahawa pekerjaan pegawai itu telah ditamatkan demi kepentingan awam; atau

(e) atas alasan bahawa pegawai itu telah dengan sukarelanya (selain daripada perkahwinan) memperolehi kewarganegaraan, atau menggunakan hak-hak kewarganegaraan, atau telah membuat pengisytiharan kesetiaan kepada, mana-mana negara lain selain daripada Malaysia atau atas alasan bahawa pegawai itu telah dilucutkan kewarganegaraan Malaysiannya.”.

7. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 11 dengan seksyen baru 11 yang berikut: Pindaan seksyen 11.

“Persaraan dengan kehendak Kerajaan. 11. Walau apa pun seksyen 10 dan 12, dengan persetujuan pegawai itu—

- (a) Yang di-Pertuan Agong boleh menghendaki seseorang pegawai persekutuan supaya bersara pada mana-mana peringkat umur—

(i) atas alasan kepentingan negara; atau

(ii) demi kepentingan perkhidmatan awam; dan

(b) Pihak Berkuasa Negeri boleh menghendaki seseorang pegawai Negeri supaya bersara pada mana-mana peringkat umur—

(i) dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, atas alasan kepentingan negara; atau

(ii) demi kepentingan perkhidmatan awam.”.

Pindaan
seksyen 12A.

8. Seksyen 12A Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “mati dalam perkhidmatan” dalam seksyen-kecil (1) perkataan-perkataan “jika pada masa kematiannya dia berada dalam perkhidmatan pertubuhan itu atau mana-mana subsidiarinya atau pertubuhan antarabangsa tersebut, atau, jika ketika itu dia tidak berada dalam perkhidmatan tersebut, dia telah berada dalam perkhidmatan tersebut untuk suatu tempoh berterusan yang tidak kurang daripada lima tahun dari tarikh dia meninggalkan perkhidmatan awam”;

(b) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “Skim Baru” di mana ianya mula terdapat dalam seksyen-kecil (2) perkataan-perkataan “dia boleh diberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah apabila mencapai umur lima puluh lima tahun jika dia telah berkhidmat dalam pertubuhan itu atau mana-mana subsidiarinya untuk suatu tempoh berterusan yang tidak kurang daripada lima tahun dari tarikh dia meninggalkan perkhidmatan awam, dan dalam hal sedemikian”;

(c) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “dengan pertubuhan itu” dalam seksyen-kecil (2) perkataan-perkataan “atau mana-mana subsidiarinya”;

(d) dengan memasukkan perkataan “itu” sebelum perkataan-perkataan “kepada pegawai itu” dalam seksyen-kecil (2);

- (e) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Seseorang pegawai berpencen” dalam seksyen-kecil (3) dengan perkataan-perkataan “Bagi seseorang pegawai berpencen yang seksyen-kecil (2) tidak terpakai baginya, dia”;
- (f) dengan menggantikan perkataan “dan” dalam seksyen-kecil (3) dengan perkataan “jika”;
- (g) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “selama tempoh” dalam seksyen-kecil (3) perkataan “berterusan”; dan
- (h) dengan menggantikan perkataan-perkataan “peruntukan seksyen-kecil (3)” dalam seksyen-kecil (4) dengan perkataan-perkataan “peruntukan-peruntukan seksyen-kecil (2) dan (3)”.

9. Proviso kepada seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (i) dan (ii) dengan perenggan baru (i), (ii), (iii) dan (iv) yang berikut:

Pindaan
seksyen 15.

- “(i) berkenaan dengan seseorang balu atau duda, telah berkahwin dengan pegawai yang mati itu semasa pegawai itu masih dalam perkhidmatan;
- (ii) berkenaan dengan seseorang anak atau anak tiri tanggungan, adalah seorang anak atau anak tiri tanggungan hasil perkahwinan semasa pegawai itu masih dalam perkhidmatan;
- (iii) berkenaan dengan seseorang anak angkat, adalah seorang anak yang diangkat di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pengangkatan atau di bawah mana-mana adat atau kelaziman semasa pegawai itu masih dalam perkhidmatan; atau
- (iv) berkenaan dengan seseorang anak tak sahtaraf, adalah seorang anak yang dikandungkan semasa pegawai itu masih dalam perkhidmatan, dan adalah bermastautin di Malaysia.”.

Seksyen
baru 21A.

10. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 21, seksyen baru 21A yang berikut:

"Pencen,
dll. akan
terhenti
apabila
memper-
olehi
kewarga-
negara-
negara
lain.

21A. (1) Jika seseorang yang telah diberi pencen atau lain-lain faedah di bawah Akta ini telah dengan sukarelanya (selain daripada perkahwinan) memperolehi kewarganegaraan, atau telah menggunakan hak-hak kewarganegaraan, atau telah membuat pengisytiharan kesetiaan kepada, mana-mana negara lain selain daripada Malaysia atau telah dilucutkan kewarganegaraan Malaysiannya, pencen atau lain-lain faedah tersebut hendaklah terhenti dengan serta-merta.

(2) Jika pencen atau lain-lain faedah terhenti di bawah seksyen-kecil (1), tiada pencen atau lain-lain faedah boleh diberi kepada orang-orang tanggungan."

Pindaan
seksyen 25.

11. Proviso kepada seksyen 25 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (i) dan (ii) dengan perenggan baru (i), (ii), (iii) dan (iv) yang berikut:

- "(i) berkenaan dengan seseorang balu atau duda telah berkahwin dengan pegawai yang mati itu semasa pegawai itu masih dalam perkhidmatan;
- (ii) berkenaan dengan seseorang anak atau anak tiri tanggungan, adalah seorang anak atau anak tiri tanggungan hasil perkahwinan yang telah berlaku semasa pegawai itu masih dalam perkhidmatan;
- (iii) berkenaan dengan seseorang anak angkat, seorang anak yang diangkat di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengangkatan atau di bawah mana-mana adat atau kelaziman, semasa pegawai itu masih dalam perkhidmatan; atau
- (iv) berkenaan dengan seseorang anak tak sahtaraf, adalah seorang anak yang dikandungkan semasa pegawai itu masih dalam perkhidmatan, dan adalah bermastautin di Malaysia."

12. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 26 dengan seksyen baru 26 yang berikut: Pindaan seksyen 26.

“Pembayaran tanpa probet atau surat kuasa mentadbir.

26. (1) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, jika seseorang yang kepadanya apa-apa pembayaran boleh dibuat di bawah Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya mati sebelum pembayaran dibuat, amaun yang masih belum dibayar itu boleh dibayar kepada orang-orang tanggungannya tanpa probet atau surat kuasa mentadbir.

(2) Jika seseorang pegawai mati dalam perkhidmatan, apa-apa pembayaran tunai yang boleh dibayar sebagai ganti cuti terkumpul yang diberi di bawah peraturan-peraturan bolehlah dibayar kepada orang-orang tanggungannya tanpa probet atau surat kuasa mentadbir.

(3) Jika apa-apa pembayaran dibuat dengan suci hati di bawah seksyen ini dan menurut peruntukan-peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, pembayaran tersebut hendaklah menjadi pelepasan sepenuh dan sepatutnya akan segala liabiliti, dan tiada tindakan, guaman atau prosiding bagi pembayaran tersebut atau yang mempersoalkan tentang pembayaran tersebut boleh dibawa atau diadakan terhadap Kerajaan atau mana-mana pegawai atau pengkhidmatnya.

(4) Bagi maksud seksyen ini—

(a) “orang tanggungan” ertinya—

- (i) balu kepada simati;
- (ii) duda kepada simati;
- (iii) anak kepada simati;
- (iv) ibu kepada pegawai yang mati, atau jika ibunya telah mati, bapa tanggungannya;

- (b) "belum dibayar" ertinya belum dibayar oleh Kerajaan atau belum dikeluarkan oleh orang yang berkenaan."

Seksyen
baru 26A.

13. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 26, seksyen baru 26A yang berikut:

"Pembayaran hadiah untuk maklumat.

26A. (1) Ketua Pengarah boleh memerintahkan pembayaran hadiah sebagaimana dia fikirkan patut kepada mana-mana anggota masyarakat untuk maklumat yang diberikan yang membawa kepada sabitan bagi—

- (a) kes-kes penipuan untuk menikmati pencen dan lain-lain faedah yang diberi di bawah Akta ini; atau
- (b) kesalahan-kesalahan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Apa-apa hadiah yang dibayar di bawah Akta ini hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pencen 1980.

2. *Fasal 1* adalah mengenai tajuk ringkas dan memperuntukkan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta yang dicadangkan itu.

3. *Fasal 2* memperuntukkan perubahan-perubahan yang hendak dilakukan di bawah *fasal 4, 6 dan 10* hendaklah terpakai hanya bagi pegawai-pegawai yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam selepas tarikh tersiarnya Akta ini dalam *Warta*.

4. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 1 Akta ibu dengan menambah suatu kategori pegawai yang baru kepada seksyen 1 yang sedia ada. Kemasukan pegawai-pegawai sementara yang dilantik sebelum Skim Baru yang berkuatkuasa dari 1hb Januari 1976 dan mereka yang tidak diberi pilihan untuk memilih Skim Baru itu di bawah seksyen ini adalah untuk menjadikannya selaras dengan seksyen 25 yang memperuntukkan bagi pemberian elaun persaraan kepada pegawai sementara.

5. *Fasal 4* bertujuan menghadkan erti anak bagi seseorang anak yang cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal.

6. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 9 Akta ibu untuk mem-
buatkan seksyen itu lebih jelas akan pemakaiannya dengan
menyatakan kuasa untuk memberi pencen, ganjaran atau lain-lain
faedah adalah terletak pada Yang di-Pertuan Agong.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk menjelaskan lagi akan pemakaian
perenggan (d) seksyen-kecil (5) seksyen 10 dan menambah suatu
alasan baru kepada seksyen yang sedia ada untuk menghendaki
seseorang pegawai itu supaya bersara.

8. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 11 Akta ibu. Di bawah
seksyen 11 yang dicadangkan, kuasa untuk menghendaki seorang
pegawai persekutuan supaya bersara terletak pada Yang di-
Pertuan Agong dan bagi seorang pegawai Negeri, kuasa terletak
pada Pihak Berkuasa Negeri. Kelulusan Yang di-Pertuan Agong
hendaklah diperolehi sebelum seseorang pegawai Negeri itu bersara
atas alasan kepentingan negara.

9. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 12A Akta ibu. Perenggan
(a) bertujuan meminda seksyen-kecil (1) seksyen tersebut dengan
memperuntukkan bahawa seseorang pegawai berpencen yang di-
lantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan untuk berkhidmat
dalam mana-mana pertubuhan, adalah disifatkan telah mati dalam
perkhidmatan bagi maksud seksyen 14 Akta ibu jika dia mati
semasa dia dalam perkhidmatan pertubuhan tersebut atau mana-
mana subsidiarinya atau dia mati selepas dia telah berada dalam
perkhidmatan tersebut untuk suatu tempoh berterusan yang tidak
kurang dari lima tahun dari tarikh dia meninggalkan perkhid-
matan awam. Perenggan (b) bertujuan meminda seksyen-kecil (2)
seksyen 12A dengan memperuntukkan bahawa pencen, ganjaran
atau lain-lain faedah boleh diberi kepada seseorang pegawai
berpencen yang dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan
untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan mengikut terma
dan syarat perkhidmatan yang sama seperti di dalam Skim Baru
jika dia telah berkhidmat di dalam pertubuhan itu atau mana-
mana subsidiarinya untuk suatu tempoh berterusan yang tidak
kurang daripada lima tahun dari tarikh dia meninggalkan
perkhidmatan awam. Perenggan (c) bertujuan meminda seksyen-
kecil (2) untuk menjelaskan bahawa apa-apa perkhidmatan dengan
subsidiari-subsidiari pertubuhan boleh dimasukkan kira bagi maksud
pemberian pencen, ganjaran atau lain-lain faedah kepada pegawai.
Perenggan (e) bertujuan membuat seksyen 12A lebih jelas dari
segi penggunaannya dengan memperuntukkan bahawa seksyen-
kecil (3) hanya terpakai bagi hal-hal yang tidak termasuk di
bawah seksyen-kecil (2). Perenggan (g) bertujuan meminda
seksyen-kecil (3) bagi memperuntukkan bahawa seseorang pegawai
berpencen hendaklah berkhidmat berterusan bagi tidak kurang
daripada lima tahun dari tarikh dia meninggalkan perkhidmatan
awam sebelum dia boleh diberi pencen, ganjaran atau lain-lain
faedah. Lain-lain pindaan yang dicadangkan kepada fasal tersebut
yang tidak disebut dengan nyatanya adalah pindaan-pindaan yang
berbangkit atau yang kecil sahaja.

10. *Fasal 9* bertujuan meminda seksyen 15 Akta ibu bagi memperuntukkan hal keadaan di bawah mana seseorang balu, duda atau anak itu layak untuk terus dibayar pencen terbitan mereka di bawah Akta ini.

11. *Fasal 10* bertujuan memperkenalkan seksyen 21A yang baru untuk membuat peruntukan bagi pemberhentian pencen dan lain-lain faedah yang diberi kepada seorang yang telah sama ada, dengan sukarelanya (selain daripada perkahwinan) memperolehi kewarganegaraan atau menggunakan hak-hak kewarganegaraan, atau telah membuat suatu pengisytiharaan kesetiaan kepada, mana-mana negara selain daripada Malaysia atau sesiapa yang telah dilucutkan hak kewarganegaraan Malaysiannya. Hak-hak bagi orang-orang tanggungannya yang masih memegang kewarganegaraan Malaysia untuk mendapat pencen dan lain-lain faedah adalah juga terlibat.

12. *Fasal 11* bertujuan meminda seksyen 25 Akta ibu dan ianya mengandungi perubahan-perubahan yang serupa yang hendak dilakukan di bawah fasal 9 kecuali ianya berkaitan dengan pemberian elaun persaraan terbitan.

13. *Fasal 12* bertujuan meminda seksyen 26 Akta ibu. Seksyen 26 (1) yang dicadangkan itu memperbuat semula seksyen 26 yang sedia ada yang memberi kuasa untuk membuat bayaran tanpa probet atau surat kuasa mentadbir kecuali ianya sekarang berhubungan dengan apa jua pembayaran yang boleh dibuat kepada mana-mana orang. Seksyen 26 (2) yang dicadangkan itu memberi kuasa membuat pembayaran apa-apa hadiah tunai yang boleh dibayar sebagai ganti cuti yang diberi di bawah peraturan-peraturan itu. Perlindungan adalah diberi oleh seksyen ini kepada Kerajaan atau pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmatnya daripada kena dakwa oleh mana-mana orang kerana membuat pembayaran tersebut sekiranya pembayaran tersebut dibuat dengan suci hati. Bagi maksud seksyen ini takrif bagi terma "orang-orang tanggungan" adalah diberi.

14. *Fasal 13* bertujuan memperkenalkan seksyen 26A yang baru kepada Akta ibu bagi maksud memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk membuat pembayaran hadiah untuk maklumat yang diberi.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN. (U²) 1347.]